



ABDUL RAHIM




MOHAMAD AZIM FITRI



MUHAMMAD RIDHWAN



FARVIZ AZHARE



Antara peristiwa politik yang berlaku sejak hujung Julai sehingga Ogos ini melibatkan kerajaan PN, UMNO dan pembangkang.

# Rakyat gesa gencatan politik!

Bagi menangani penularan pandemik Covid-19 berbanding perbalahan sesama parti politik

duanya boleh fokus menjaga kebijakan dan keselamatan rakyat yang sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran besar dari sudut kesihatan, ekonomi dan sosial.

Penolong Pengurus Yayasan Al-Sultan Abdullah, Abdul Rahim Othman, 61, berkata, semua ahli politik tidak kira parti perlu mencari titik pertemuan dalam usaha menyelesaikan masalah rakyat.

Katanya, amalan berpolitik yang hanya mementingkan kuasa perlu dihentikan sehingga pilihan raya umum (PRU) akan datang kerana ia hanya merugikan rakyat yang memerlukan kerajaan lebih efektif.

Pegawai Perhubungan Awam dari Kuala Langat, Selangor, Mohamad Azim Fitri Abd Aziz, 31, berkata, gencatan politik merupakan antara jalan terbaik yang perlu diambil oleh negara kerana usaha menangani Covid-19 memerlukan sebuah kerajaan yang stabil.

"Parti politik utama dan terbesar termasuk parti kerajaan perlu ketepikan ideologi, bertolak ansur dan seterusnya berbincang untuk menetapkan hala tuju dan matlamat bagi menangani Covid-19," ujarnya.

Bagi pelajar Universiti Putra Malaysia, Muhammad Ridhwan Sohar, 23, semua ahli politik negara perlu berjiwa besar dan meletak-

kan ke tepi terlebih dahulu kepentingan politik masing-masing bagi memberi ruang kepada usaha menangani Covid-19.

Katanya, hal tersebut sangat penting kerana untuk menjayakan idea gencatan politik, sebarang aktiviti parti sama ada daripada pihak pembangkang maupun kerajaan perlu dihentikan sepenuhnya sehingga Covid-19 selesai.

Pelajar dari Universiti Teknologi Mara, Farviz Azhare Zinnol Abidin, 20, pula berkata, percaturan dan krisis politik yang berlaku ketika ini tidak memberikan sebarang penyelesaian sebaliknya hanya menambahkan kesusahan dan kesengsaraan rakyat.

"Ahli politik yang tiada wawasan dan amanah dalam mentadbir perlu sedar bahawa bukan mereka sahaja yang mampu menyelamatkan negara. Kita ada tokoh-tokoh besar dalam pelbagai bidang.

"Jadi, ahli politik perlu mengambil inisiatif mendengar pandangan-pandangan yang dilontarkan dalam usaha membaik pulih negara dari seluruh aspek," jelasnya.

Seorang guru daripada Shah Alam, Selangor, Muhammad Azim Azlan, 24, berkata, bagi menjayakan gencatan politik ini, amalan berpolitik secara harmoni perlu

ditekankan bagi meredakan ketegangan dan krisis yang berlaku.

"Suhu politik negara tidak akan reda selagi ahli politik gagal mengawal tutur kata dan tindakan mereka sangat mempengaruhi ideologi masyarakat.

"Pemimpin politik perlu lebih bijaksana dan menangani segala masalah dengan lebih berhemah dan positif," katanya.

Seorang graduan institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Shah Alam, Muhammad Zulfikri Zulkarnain, 23, berpendangan, sebarang usaha untuk memainkan sentimen politik perlu dihentikan kerana tidak memberi faedah kepada usaha menangani pandemik Covid-19.

"Negara sudah tenat dan kerajaan perlu fokus kepada masalah utama yang melanda rakyat, bukannya fokus kepada masalah politik. Jadi, gencatan politik adalah jalan yang perlu diambil oleh semua pihak," ujarnya.

Seorang petugas sosial dari Batu Caves, Selangor, Ahmad Farhan, 24, berpendapat, proses ke arah gencatan politik perlu dimulakan terlebih dahulu dengan memastikan keabsahan kerajaan melalui Parlimen.

"Itulah kaedah yang sesuai untuk memastikan persoalan ketidaktentuan politik dapat dileraikan dan selepas itu barulah proses ke arah gencatan politik boleh berlaku," ujarnya.



Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

**K**risis politik dalam negara dilihat terus berlaku meskipun ancaman penularan Covid-19 yang sudah melanda sejak lebih setahun lalu masih belum menunjukkan sebarang tanda pemulihan.

Ketika negara menghadapi 'perang' melawan Covid-19, pemimpin politik perlu mempunyai keutamaan yang jelas dengan meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan peribadi

Sebaliknya, menangani pandemik Covid-19 perlu menjadi keutamaan oleh semua pihak berbanding persaingan merebut kuasa.

Malah di sebalik kekusutan politik ini, majoriti rakyat dilihat masih tidak pasti dan jelas apakah jalan dan perancangan yang bakal diambil oleh negara untuk membawa mereka keluar bukan sahaja daripada krisis kesihatan malah juga krisis ekonomi.

Oleh itu, kerajaan dan pembangkang disaran melakukan gencatan politik supaya kedua-

MUHAMMAD AZIM



MUHAMMAD ZULFIKRI



AHMAD FARHAN